

BAB LIMA

BAB 5

PENUBUHAN DAN OPERASI SYARIKAT MCIS INSURANCE BERHAD

A. Amalan Insurans di Malaysia

Insurans hanya berkembang di Malaysia dalam erti kata yang sebenarnya pada tahun 1950an di mana pasarananya pada masa itu dikuasai oleh syarikat-syarikat insurans British dan Amerika. Pada masa yang sama, syarikat-syarikat insurans tempatan yang mengadakan kerjasama dengan syarikat insurans asing juga mula menjual polisi insurans. Setelah negara mencapai kemerdekaan pada tahun 1957, banyak galakan telah diberikan kepada syarikat-syarikat insurans tempatan untuk menguasai pasaran insurans tempatan. Walau bagaimanapun, disebabkan polisi yang tidak kemas dan kekurangan pengalaman, menyebabkan banyak syarikat insurans tempatan gulung tikar dan polisi yang mereka jual tidak bernilai. Ini menyebabkan kerajaan campurtangan bagi memperbetulkan keadaan ini dengan memperkenalkan Akta Insurans 1963.¹ Pejabat Ketua Pengarah Insurans Malaysia² telah diberi amanah untuk mengawasi perjalanan industri insurans di negara ini.

¹ Shafiee Hj. Ahmad, "Insurans Nyawa." Kertas kerja yang dibentangkan dalam *Seminar Koperasi dan Insurans*, anjuran MCIS, pada 28-29 Mac, 1988, Petaling Jaya, hal. 2.

² Ketua Pengarah Insurans Malaysia ialah Gabenor Bank Negara Malaysia.

Jadual (3)
Malaysian Insurance Industry Information

Insurance Key Indicators (as at financial year end)

	1990	1992	1993	1994	1995 ^a
Market Structure (as at calendar year end)					
No. of registered insurers					
- Direct					
Life	3	4	5	5	5
General	39	40	41	40	40
Composite	15	14	13	13	13
- Reinsurer					
General	1	1	2	3	4
No. of licensed insurance brokers	46	36	36	37	34
No. of licensed loss adjusters	43	43	42	42	43
No. of registered agents					

Sumber: *33rd Annual Report of The Director General of Insurance 1995.*

Sehingga kini terdapat dua buah syarikat Takaful³ dan 58 syarikat insurans nyawa dan am yang beroperasi di Malaysia. (Lihat Jadual 3).⁴

Di Malaysia, terdapat beberapa pertubuhan yang mewakili kepentingan profesional dan lain-lain kepentingan tertentu dalam industri insurans. Pertubuhan itu ialah Persatuan Insurans Am Malaysia (PIAM), Persatuan Insurans Nyawa Malaysia (LIAM), Persatuan Broker Insurans Malaysia (IBAM), Institut Insurans Malaysia (IIM), Biro Penginsurans Motor Malaysia Barat (MIB), Pusat Latihan Insurans Malaysia (PLIM), Persatuan Kebangsaan Agen Insurans Nyawa Malaysia (NAMLIA), Persatuan Aktuari Malaysia (AIM) dan sebagainya.⁵

Tujuan utama persatuan-persatuan ini ialah:

- a. membuat promosi untuk penubuhan struktur insurans yang lebih baik dan meluaskan kepentingan insurans nyawa di negara ini;

- b. membuat promosi dan mewakili kepentingan ahli syarikat di dalam atau yang berhubungan dengan Malaysia, melalui apa-apa cara dan kaedah yang selaras dengan undang-undang dalam Perlembagaan Malaysia;

³ Dua buah syarikat takaful ialah Syarikat Takaful Malaysia Berhad dan Takaful Nasional, anak syarikat Malaysia National Insurance.

⁴ Supra, hal. 180.

⁵ Lihat Lee Kham Khuan, *Insurans Nyawa di Malaysia*, cet. 2, Persatuan Insurans Nyawa di Malaysia, Kuala Lumpur, 1986, hal. 1-3.

- c. memberi nasihat atau bantuan kepada ahli syarikat apabila dirasakan perlu dan patut diberikan;
- d. mengedar maklumat untuk kepentingan ahli syarikat di dalam mengumpul, membandingkan dan menerbitkan statistik-statistik dan lain-lain maklumat yang berkaitan dengan insurans nyawa; dan
- e. mengendalikan dan mentadbirkan hal-hal yang menjadi minat bersama, yang berkaitan dengan atau menguruskan modal atas tujuan yang sama.⁶

Syarikat-syarikat yang menjalankan perniagaan insurans di Malaysia boleh dikelaskan kepada syarikat insurans am, syarikat insurans nyawa dan syarikat insurans komposit. Syarikat insurans am menjalankan perniagaan insurans am sahaja, manakala syarikat insurans nyawa diberi kuasa hanya untuk menjalankan perniagaan insurans nyawa sahaja. Syarikat insurans komposit pula menjalankan kedua-dua jenis perniagaan iaitu insurans am dan insurans nyawa.⁷

⁶ Ibid, hal. 3-4. Pengendalian insurans nyawa di Malaysia ditentukan oleh beberapa Akta Parlimen dan undang-undang negeri iaitu Akta Insurans 1963, Akta Cukai Pendapatan Malaysia, 1967, Akta Undang-undang Sivil, 1972, Enakmen Duti Estet, 1941, Akta Kebangkrapan, 1967, Akta Cukai Harta Tanah, 1976 dan Akta Wang Yang Tidak Dituntut, 1965. Akta Insurans 1963 dan pindaannya adalah undang-undang utama yang menentukan operasi sesebuah syarikat insurans. Ibid., hal. 7

⁷ Ibid., hal. 9.

B. Penubuhan dan Operasi Syarikat MCIS Insurance Berhad

MCIS Insurance Berhad⁸ telah ditubuhkan pada 2hb Ogos 1957. Ia merupakan syarikat insurans komposit yang menyediakan faedah insurans hayat dan insurans am kepada rakyat Malaysia. Pada asalnya MCIS adalah sebuah pertubuhan koperasi yang menjalankan perniagaan insurans dan sebagai sebuah institusi kewangan yang memainkan peranan di dalam menggembling simpanan orang ramai bagi tujuan pelaburan.⁹ (Lihat undang-undang kecil Koperasi Insurans Malaysia Berhad dalam Lampiran D). Moto syarikat ini ialah “Untuk Mencapai Teras Kepimpinan Dengan Menyediakan Perkhidmatan Insurans Yang Lengkap Dengan Meletakkan Kualiti Sebagai Teras Ke Arah Kesempurnaan Hidup.” Pada hari ini syarikat ini memiliki aset melebihi RM835 juta serta rangkaian pejabat yang terletak di seluruh negara.

Dengan pelbagai produk iaitu 15 produk insurans nyawa dan 33 produk insurans am, syarikat ini juga menyediakan khidmat nasihat, khidmat sokongan kepada pelanggan untuk mendapatkan perlindungan untuk diri dan harta benda mereka.¹⁰

⁸ Sebelum ini dikenali dengan nama *Malaysian Co-operative Insurance Society Limited* (MCIS). Mulai 1 Julai 1998, syarikat ini dikenali dengan nama MCIS Insurance Berhad.

⁹ Mohd Annur bin Mohd Senawi, “Peranan MCIS Dalam Koperasi.” Kertas kerja yang dibentangkan di dalam *Seminar Koperasi Dan Insurans*, anjuran MCIS, pada 28-29 Mac, 1988 di Petaling Jaya, hal. 2. Lihat juga Undang-undang Kecil Koperasi Insurans Malaysia Berhad (MCIS), 1957, sek. 1.2 dan 2.1.

¹⁰ Lihat laman web <http://www.jaring.my/mcis>

Jadual(4)

Maklumat Penting Kewangan MCIS Insurance Berhad

	<i>1996</i>	<i>1995</i>	<i>1994</i>	<i>1993</i>	<i>1992</i>	<i>1991</i>
<i>Insurans Nyawa Premium Tanggungan Bersih</i>	151,844,000	129,508,000	107,630,000	91,322,000	77,232,000	65,207,000
<i>Insurans Am Premium Tanggungan Bersih</i>	11,436,000	12,619,000	10,938,000	9,482,000	8,928,000	7,703,000
<i>Jumlah Premium Tanggungan Bersih</i>	163,280,000	142,127,000	118,568,000	100,804,000	86,160,000	72,910,000
<i>Insurans Nyawa Pendapatan dari Perlaburan & lain-lain</i>	59,013,000	38,385,000	42,800,000	54,779,000	28,576,000	30,041,000
<i>Insurans Am Pendapatan dari Perlaburan & lain-lain</i>	2,192,000	1,400,000	3,020,000	2,610,000	1,155,000	1,118,000
<i>Jumlah Pendapatan dari Perlaburan & lain-lain</i>	61,205,000	39,785,000	45,820,000	57,389,000	29,732,000	31,159,000
<i>Tuntutan Insurans Nyawa Telah Dibayar</i>	44,519,000	45,530,000	39,535,000	38,183,000	31,133,000	31,375,000
<i>Insurans Am Telah Dibayar</i>	5,955,000	7,102,000	6,295,000	5,901,000	5,530,000	3,805,000
<i>Jumlah Tuntutan Telah Dibayar</i>	50,474,000	52,632,000	45,830,000	44,084,000	36,663,000	35,180,000
<i>Penggihan Lebihan (Insurans Nyawa)</i>	89,533,000	51,395,000	80,292,000	42,450,000	30,037,000	28,965,000
<i>Lebihan Insurans Am</i>	3,409,000	1,726,000	4,039,000	2,684,000	1,555,000	1,515,000
<i>Jumlah Aset-Aset</i>	834,975,000	733,690,000	618,263,000	559,235,000	475,346,000	430,400,000
<i>Modal Saham</i>	38,301,000	35,262,000	17,179,000	4,165,000	4,082,000	4,004,000
<i>Rizab Berkanun</i>	5,585,000	3,725,000	3,132,000	2,231,000	1,614,000	1,326,000
<i>Dana Insurans Nyawa</i>	687,419,000	590,272,000	541,182,000	493,147,000	434,531,000	395,495,000
<i>Jumlah Polisi Insurans Nyawa Yang Berkuaakuasa / Aktif</i>	303,000	283,000	252,000	228,000	202,000	179,000
<i>Jumlah Polisi Insurans Nyawa Yang Berkuaakuasa / Aktif (Harga Polisi)</i>	4,595,206,000	3,979,968,000	3,313,736,000	2,867,319,000	2,515,556,000	2,160,042,000

Sumber: Laman web MCIS <http://www.mcis.com.my/mcis>

Sehingga tahun 1996 sejumlah 303,000 polisi insurans nyawa masih lagi aktif dengan syarikat ini yang kesemuanya bernilai RM4,595,206.000. Manakala bagi insurans am pula, sehingga tahun 1996 sejumlah 11,436,000 tanggungan premium British telah dimiliki. Dalam tahun 1996 sahaja syarikat ini telah membayar pampasan insurans nyawa berjumlah RM44,519,000 dan jumlah pampasan insurans am pula berjumlah RM5,955,000. Aset syarikat ini telah mencatatkan peningkatan daripada RM430,400,000 daripada tahun 1991 kepada RM834,975,000 pada tahun 1996. (Lihat Jadual 4).¹¹

C. Produk Insuran Nyawa Dan Am MCIS Insurance Berhad

Di antara produk insurans nyawa MCIS Insurans Berhad ialah:

1. RANCANGAN PENDIDIKAN KANAK-KANAK

Polisi ini membolehkan ibubapa menyimpan wang untuk pelajaran tinggi anak-anak mereka secara teratur. Peserta boleh memilih tarikh yang sesuai untuk mengeluarkan wang. Polisi ini membolehkan anak-anak peserta meneruskan pelajaran walaupun ibubapa mereka meninggal dunia dengan menyediakan wang tunai segera.

¹¹ Supra, hal. 184.

2. RANCANGAN ENDOWMEN

Rancangan ini merupakan rancangan pelaburan dan simpanan yang menarik kerana MCIS Insurance Berhad mengisyiharkan bonus *reversionary* dan *terminal* yang tinggi. Polisi ini memastikan peserta menyimpan untuk kegunaan masa depan. Selepas tamat tempoh, harga polisi berserta bonus akan dibayar.

3. RANCANGAN SEPANJANG HAYAT

Polisi ini merupakan polisi berserta keuntungan dengan menyediakan perlindungan dengan premium yang rendah. Harga polisi dengan bonus terkumpul akan dibayar selepas pemegang polisi meninggal dunia.

4. RANCANGAN GADIS REMAJA

Polisi ini dicipta untuk wanita muda yang belum berkahwin, khasnya untuk bakal pengantin. Di bawah polisi ini, wanita yang belum berkahwin boleh menguatkusakan polisi atas diri sendiri dan menikmati keistimewaan yang eksklusif iaitu meminda polisi tersebut ke atas nama suami apabila telah berkahwin. Premium pokok akan dikembalikan semula kepada wanita tersebut kecuali jumlah yang bersamaan dengan setahun premium ke atas polisi suami. Polisi ini kekal sebagai milik isteri dan beliau mempunyai kuasa terhadapnya.

5. RANCANGAN LIFELINE

Polisi ini menyediakan 4 faedah utama:

- a. Perlindungan kewangan untuk keluarga yang kematian ahli.
- b. Perlindungan kewangan untuk ahli daripada ketidakupayaan atau kecacatan kekal yang menyeluruh.
- c. Perlindungan kewangan untuk ahli daripada 25 penyakit utama dan 3 tatacara pembetulan.
- d. Tabung untuk memenuhi keperluan tidak dijangka pada masa hadapan.

6. RANCANGAN PERLINDUNGAN BESAR

Polisi ini memberi perlindungan insurans nyawa dan kemalangan yang lebih luas dan komprehensif daripada insurans jangka waktu. Pakej ini termasuk faedah tamat tempoh, bonus, faedah pendapatan bulanan, faedah komprehensif kemalangan diri sendiri dan faedah rawatan hospital.

7. RANCANGAN KERJAYA BARU

Polisi ini merupakan insurans nyawa dan mempunyai tempoh dari 10 hingga 30 tahun. Polisi ini juga menyediakan perlindungan nyawa yang luas pada kos yang rendah dan mempunyai pilihan yang unik, iaitu boleh dipinda ke insurans jangka seumur hidup tanpa perlu menjalani pemeriksaan perubatan.

8. RANCANGAN PERLINDUNGAN GADAIJANJI

Polisi ini menawarkan perlindungan pada premium yang rendah. Harga polisi berkurangan pada kadar yang bersesuaian untuk melindungi pinjaman perumahan yang masih tertunggak sekiranya peminjam meninggal dunia sebelum selesai membayar pinjaman.

9. RANCANGAN GOLDEN YEARS

Rancangan ini direka khas untuk melindungi warga tua berumur dalam lingkungan 50 hingga 70 tahun. Ia menyediakan perlindungan kewangan daripada kematian, kemalangan dan penyakit utama.

10. RANCANGAN PRIMELIFE

Polisi ini adalah insurans seumur hidup berserta bonus dengan premium dihentikan pada umur 60 tahun. Ia juga digabungkan dengan faedah penyakit utama di mana perlindungan diberikan daripada 33 penyakit utama dan 3 tatacara pembetulan.

11. RANCANGAN ANNUITY PENDAPATAN TERJAMIN

Di bawah rancangan ini, bayaran terhadap harga belian akan dibayar dalam bayaran ansuran kepada *annuitant* sepanjang hidup mereka. Polisi ini memastikan wang caruman akan dilabur dengan selamat dan dilindungi.

12. RANCANGAN LIFECARE

Menurut MCIS Insurance Berhad, polisi ini merupakan polisi insurans yang paling inovatif, menggabungkan ciri-ciri *endowment*, rancangan seumur hidup dan faedah penyakit utama untuk menyediakan perlindungan insurans nyawa yang lengkap, cara menyimpan dan pelaburan yang menarik semuanya dalam satu pakej.¹²

Manakala bagi produk insurans am, Syarikat MCIS Insurance Berhad menawarkan produk-produk seperti berikut:

1. INSURANS PEMILIK RUMAH

Melindungi rumah, flat atau pangapuri persendirian daripada kerugian atau kerosakan disebabkan kebakaran, kilat, ribut, petir, puting beliung, taufan, gempa bumi, letusan gunung berapi, kemalangan pesawat udara, pecahan atau limpahan tanpa air, kecurian melalui percubaan memecah masuk atau keluar atau banjir, kecurian sewa sehingga 10 peratus dari nilai polisi dan tanggungan awam sehingga RM50,000.

2. INSURANS PERALATAN RUMAH

Melindungi barang rumah peserta daripada kerosakan atau kerugian disebabkan bencana alam seperti dinyatakan dalam Insurans Pemilik Rumah, termasuk kecederaan yang mengakibatkan kematian yang disebabkan

¹² Lihat MCIS Insurance Berhad, hal. web <http://www.mcis.com.my/mcis>

perompak atau kebakaran sehingga RM10,000 dan hartabenda yang dialihkan buat sementara daripada rumah kediaman.

3. INSURANS KEBAKARAN

Melindungi hartabenda daripada kerugian atau kerosakan yang diakibatkan oleh kebakaran, kilat, petir dan letupan tong gas untuk kegunaan sendiri.

4. INSURANS KEHILANGAN PENDAPATAN AKIBAT KEBAKARAN

Melindungi kehilangan pendapatan daripada perniagaan atau kehilangan pengeluaran akibat kebakaran. Juga meliputi kos pekerjaan yang meningkat, yuran *auditor* dan gaji.

5. INSURANS KEMALANGAN DIRI BERKELOMPOK

Pada dasarnya ia adalah Insurans Kemalangan Diri Sendiri yang dikeluarkan untuk sekumpulan orang ramai. Hanya satu polisi sahaja yang akan dikeluarkan. Polisi ini direka untuk memberi pampasan sekiranya berlaku kematian akibat kematangan atau ketidakupayaan/kecacatan kekal yang menyeluruh. Polisi ini juga memberi pampasan bayaran balik rawatan perubatan dan pampasan mingguan sekiranya berlaku ketidakupayaan separa atau menyeluruh.

6. INSURANS KEMALANGAN DIRI EKSKLUSIF

Insurans ini direka untuk keperluan khusus. Ia menyediakan pampasan sekiranya berlaku kematian akibat kemalangan atau ketidakupayaan kekal, ketidakupayaan sementara yang menyeluruh dan perbelanjaan perubatan.

7. INSURANS KEMALANGAN PENGEMBARAAN

Perlindungan 24 jam serata dunia semasa perjalanan melalui udara, laut, keretapi atau jalanraya.

8. INSURANS KEMALANGAN DIRI PENUMPANG

Melindungi kecederaan anggota badan atau kehilangan nyawa pemandu dan/atau penumpang ketika memasuki, sedang memandu atau sedang turun dari kenderaan.

9. INSURANS KEMALANGAN DIRI PELAJAR

Perlindungan kemalangan diri komprehensif 24 jam untuk pelajar-pelajar sepenuh masa di bawah umur 21 tahun.

10. INSURANS KEMALANGAN DIRI KELUARGA

Melalui skim ini, pampasan akan dibayar untuk kematian akibat kemalangan atau ketidakupayaan kekal, perbelanjaan perubatan diri, isteri dan seisi keluarga.

11. INSURANS KECURIAN

Melindungi kehilangan atau kerosakan harta benda akibat kecurian termasuk kerosakan kepada bangunan.

12. INSURANS KEWANGAN

Menyediakan *indemniti* terhadap peniaga akibat kehilangan wang semasa dalam perjalanan dan kehilangan wang semasa berada dalam bangunan.

13. INSURANS JAMINAN KESETIAAN

Menyediakan *indemniti* terhadap majikan akibat daripada sikap kakitangan yang tidak amanah.

14. INSURANS KEPINGAN KACA

Kehilangan atau kerosakan kaca yang dipasang akibat daripada sebarang kemalangan.

15. INSURANS SEMUA RISIKO

Direka khas untuk melindungi barang yang berharga seperti jam tangan, kamera, lukisan, peralatan pejabat dan klinik, barang elektrik dan telefon mudah alih akibat daripada kehilangan atau kerosakan akibat kebakaran, kecurian dan lain-lain kemalangan atau kerosakan.

16. INSURANS SEMUA RISIKO PERALATAN

Melindungi kehilangan atau kerosakan kepada mesin-mesin mudah alih dan atau peralatan seperti traktor, lif, jentolak, pembancuh konkrit dan lain-lain kenderaan yang bermesin yang tidak dibenarkan kegunaannya di jalanraya akibat daripada kemalangan, kebakaran, letusan luaran, kilat, kecurian atau rompakan.

17. PAKEJ INSURANS PERNIAGAAN KECIL

Skim ini menyediakan pelbagai perlindungan di bawah satu polisi yang memudahkan peniaga-peniaga kecil. Peserta hanya perlu memenuhi satu borang cadangan sahaja dan setiap polisi mempunyai tarikh luput yang sama.

18. INSURANS KLINIK

Insurans ini direka khas untuk keperluan unik doktor-doktor yang melindungi barang mereka dari kebakaran, semua jenis risiko kehilangan, kehilangan wang, liabiliti awam dan kemalangan diri.

19. INSURANS PERALATAN ELEKTRONIK

Skim ini melindungi kerosakan terhadap komputer atau peralatan elektronik akibat kebakaran, kecurian dan kerosakan akibat kemalangan.

20. INSURANS SENJATA API

Insurans ini bertujuan melindungi senjata api dari kehilangan atau kerosakan dan liabiliti pihak ketiga semasa sedang menggunakannya.

21. INSURANS GOLF

Melindungi peralatan golf termasuk perbelanjaan *hole-in-one*. Juga melindungi liabiliti diri dan kemalangan diri semasa sedang bermain.

22. INSURANS PETI KESELAMATAN

Menyediakan pampasan sekiranya berlaku perkara yang tidak diduga seperti kebakaran, kecurian dan kerosakan atau kehilangan kandungan dalam peti keselamatan.

23. INSURANS TANGUNGAN MAJIKAN

Menyediakan *indemniti* terhadap liabiliti undang-undang dan membayar pampasan dan kos dari perbelanjaan ahli akibat kecederaan ketika bertugas.

24. INSURANS PAMPASAN PEKERJA

Direka khas untuk memenuhi kehendak pampasan sebagaimana yang tertakluk di dalam Akta Pampasan Pekerja 1952. Setiap majikan dikehendaki melindungi setiap pekerja mereka daripada kemalangan semasa bekerja.

25. INSURANS TANGGUNGAN AWAM

Menyediakan *indemniti* untuk bangunan perniagaan atau sebarang akibat yang tidak menyalahi undang-undang terhadap pihak ketiga.

26. INSURANS INDEMNITY PROFESIONAL

Menyediakan *indemniti* daripada sifat tidak amanah golongan profesional akibat kecurian, kesilapan atau kesalahan. Skim ini hanya untuk doktor, peguam dan lain-lain badan profesional.

27. INSURANS SEMUA RISIKO KONTRAKTOR

Menyediakan perlindungan akibat daripada kehilangan atau kerosakan terhadap kontrak kerja, tapak binaan dan peralatan dan mesin-mesin binaan, juga termasuk liabiliti pihak ketiga yang timbul akibat daripada kontrak kerja.

28. INSURANS KEJURUTERAAN

Menawarkan perlindungan yang komprehensif terhadap kehilangan atau kerosakan akibat daripada kontrak kerja, peralatan di tapak binaan dan mesin-mesin binaan. Juga menawarkan perlindungan terhadap pihak ketiga daripada kerosakan harta benda atau kecederaan anggota badan.

29. INSURANS KARGO PERKAPALAN

Melindungi kargo semasa dalam perjalanan di udara atau di laut.

30. INSURANS BARANGAN DALAM PERJALANAN

Melindungi semua risiko daripada kehilangan atau kerosakan barang semasa dalam perjalanan sama ada di jalanraya, keretapi, sungai, terusan atau perairan, semasa dalam perjalanan menggunakan kapal atau feri menyeberangi Selat Johor atau dari Pulau Pinang ke Tanah Besar.

31. INSURANS KENDERAAN

Menyediakan perlindungan terhadap kenderaan sendiri daripada kehilangan atau kerosakan akibat pelanggaran, kebakaran dan kecurian termasuk insurans pihak ketiga.

32. SKIM INSURANS RAWAT DIRI

Menyediakan perlindungan seluruh dunia terhadap mana-mana perbelanjaan akibat daripada kemasukan hospital dan juga perbelanjaan pembedahan. Peserta juga boleh memilih untuk mendapatkan elaun wang tunai harian.¹³

¹³ Ibid.

D. Analisis Perjalanan Syarikat Insurans MCIS Insurance Berhad

Melihat kepada produk-produk yang ditawarkan oleh MCIS Insurance Berhad, didapati ia mencakupi segala aspek risiko yang wujud dalam kehidupan manusia di zaman moden ini dan boleh dikatakan agak lengkap. Ini dapat dilihat umpamanya produk gadaijanji, rancangan *lifetime*, insurans golf dan insurans kenderaan. Kesemua produk-produk ini tidak lari daripada dua bahagian utama iaitu insurans nyawa dan insurans am.

Seperti yang telah dibincangkan sebelum ini, insurans adalah satu bentuk perniagaan jual beli yang melibatkan pertukaran wang dengan tanggungjawab menanggung risiko yang telah dipersetujui. Ia memberikan perkhidmatan dalam bentuk tebus rugi kepada sesiapa yang mengalami kerugian. Semasa pertukaran ini, syarikat-syarikat insurans mungkin mendapat keuntungan daripada perniagaan levi.

Bentuk perniagaan di atas hanyalah berupa janji yang bergantung kepada berlakunya sesuatu kejadian yang mungkin tidak akan berlaku langsung. Oleh itu pihak yang diinsurans telah membayar sejumlah wang kepada syarikat insurans sebagai pertukaran kepada bayaran pampasan yang tidak pasti sifatnya. Sekiranya tidak berlaku sebarang kejadian yang mengakibatkan kerugian, tidak akan berlaku sebarang pertukaran barang, perkhidmatan ataupun pertimbangan. Apa yang berlaku sekarang ini ialah berlakunya pertukaran barang bagi satu pihak (pihak yang diinsuranskan) tetapi pertukaran daripada pihak yang satu lagi (syarikat insurans) masih lagi belum pasti. Berdasarkan perbahasan para fuqaha, pertukaran itu tidak sah di sisi Syarak.

Dalam hal operasi syarikat MCIS, jika tidak berlaku sebarang kejadian atau kemalangan yang mengakibatkan kerugian kepada pihak peserta, dia tidak akan mendapat apa-apa pulangan kewangan. Wang premium yang disumbangkan itu akan hangus begitu sahaja, dan peserta perlu membayar semula untuk membaharui polisi, dalam konteks insurans am. Sekiranya peserta itu ingin menarik diri daripada polisi insurans yang dibelinya sebelum tamat tempoh, kemungkinan besar dia juga akan kehilangan kesemua wang premium.

Ini berbeza dengan akad takaful di mana wang caruman akan dilaburkan ke dalam institusi kewangan yang diluluskan oleh Majlis Pengawasan Syariah dan peserta akan mendapat keuntungan melalui pelaburan *mudārabah* seperti yang telah ditetapkan iaitu sama ada 70:30, 60:40 atau 50:50. Sekiranya peserta takaful menarik diri (akad pecah), wang mereka tidak akan hilang di mana Syarikat Takaful akan membayar balik. Sebaliknya dalam insurans am, iaitu Insurans Kenderaan Bermotor, satu-satunya faedah yang diperolehi oleh peserta ialah Wang Bonus Tiada Tuntutan (*Non Claim Bonus-NCB*). Hanya inilah sahaja faedah yang diperolehi oleh para peserta.

Walaupun bayaran premium semakin berkurangan (diturunkan) dari setahun ke setahun, ia masih tidak mengubah hakikat bahawa wang caruman peserta akan hangus begitu sahaja, sekiranya tidak berlaku apa-apa kemalangan. Jadual NCB adalah seperti dinyatakan berikut:

Jadual (5)

BONUS TIADA TUNTUTAN

Kenderaan Persendirian Motosikal

1 tahun-	tiada	tiada
2 tahun-	25%	15%
3 tahun-	30%	20%
4 tahun-	38 1/3%	25%(maksima)
5 tahun-	45%	
6 tahun-	55%(maksima) ¹⁴	

Nota: Bila satu tuntutan dibuat, NCB jatuh pada 0% semula.

Asas kebarangkalian atau teori perangkaan dan nombor besar syarikat insurans sebenarnya tidak mampu membayar pampasan kepada semua pihak. Teori ini menyatakan sekiranya pihak yang diinsuranskan adalah besar dan bilangan kemalangan adalah kecil, syarikat insurans akan mampu membayar wang ganti rugi kepada pihak yang diinsuranskan dan pada masa yang sama memperolehi keuntungan. Pembayaran premium secara ansuran seperti yang ternyata di dalam produk-produk insurans nyawa MCIS Insurance Berhad, membolehkan pihak penginsurans memastikan perniagaannya stabil dan terus maju. Oleh itu syarikat-syarikat insurans memerlukan ramai peserta yang mencarum kepadanya bagi membolehkannya menggunakan wang itu untuk membayar pampasan kepada pihak yang mengalami kerugian. Perlindungan diberi berdasarkan

¹⁴ Lihat Zahidin Hashim, "Insurans Am." Kertas Kerja yang dibentangkan dalam *Seminar Koperasi Dan Insurans*, anjuran MCIS, pada 28-29 Mac 1988 di Petaling Jaya, hal. 9.

sekiranya banyak pemegang polisi yang diinsuranskan. Maknanya penginsurans dapat menjamin perlindungan kepada pihak yang diinsurans sekiranya syarikat mampu mengumpulkan sejumlah wang premium yang besar daripada beribu-ribu pihak yang diinsurans. Ini menunjukkan bahawa tujuan sebenar syarikat-syarikat ini ialah untuk membuat keuntungan semata-mata.

MCIS Insurance Berhad juga tidak menerangkan kriteria atau asas penetapan bayaran premium sesuatu produk. Jumlah bayaran sama ada secara ansuran atau sekaligus hanya dinyatakan begitu sahaja. Wang premium yang dibayar itu bukan wang simpanan peserta dan bukan juga bagi tujuan pelaburan. Sebaliknya syarikat mengambil kesempatan melaburkan wang itu di dalam pelaburan yang melibatkan *ribā*.

Di samping itu terdapat banyak aduan yang telah dibuat orang ramai terhadap syarikat-syarikat insurans yang beroperasi di Malaysia. Sebahagian besar atau 82.8 peratus daripada aduan orang ramai terhadap syarikat insurans sepanjang tahun 1997 membabitkan tuntutan insurans kenderaan bermotor. Daripada jumlah itu, aduan terbesar iaitu 514 kes membabitkan kelewatan syarikat insurans menyelesaikan tuntutan. Bagaimanapun, jumlah aduan yang dikemukakan membabitkan industri insurans sudah berkurangan sebanyak 32 peratus pada 1997 berbanding 1996. Ini menggambarkan pihak insurans telah berusaha membaiki perkhidmatan mereka kepada pelanggan terutamanya berhubung kelewatan penyelesaian tuntutan insurans, memandangkan kepentingan pemilik polisi perlu dibela kerana mereka berhak mendapat ganti rugi sewajarnya. (Lihat

jadual 6).¹⁵ Gantirugi kepada peserta yang ditimpa bencana sepatutnya dijelaskan dalam tempoh yang segera, bukan sengaja dilengahkan kerana mereka membayar polisi untuk perlindungan, dan syarikat insurans bertanggungjawab untuknya.

Perkembangan syarikat-syarikat insurans di Malaysia mencatatkan jumlah pendapatan premium dalam sektor insurans nyawa dan am dengan nilai RM9.3 billion pada tahun 1996. Kadar perkembangan ini adalah 17.7 peratus berbanding pada 22 peratus pada tahun 1995. Manakala pendapatan premium industri sebagai peratusan daripada Keluaran Negara Kasar (KNK) meningkat kepada empat peratus pada tahun 1996 berbanding dengan 3.8 peratus tahun sebelumnya.

Sedangkan jumlah faedah dan tuntutan bersih yang dibayar oleh industri meningkat 21.1 peratus kepada RM2.7 billion iaitu mencakupi 26 peratus pendapatan premium.¹⁶ Kemanakah lagi baki 74 peratus pendapatan premium itu? Tentunya ia mengalir masuk ke dalam saku syarikat-syarikat insurans.

Sementara itu, sektor insurans am terus kukuh dengan jumlah premium yang diurusniagakan berkembang pada kadar yang lebih perlahan iaitu meningkat 16 peratus kepada RM5,378 juta pada tahun 1996.¹⁷ Angka-angka di atas menunjukkan bahawa syarikat-syarikat insurans membuat keuntungan besar hasil daripada polisi-polisi yang tamat tempoh dan pelaburan ke dalam institusi-institusi kewangan.

¹⁵ Infra hal. 202.

¹⁶ Lihat Berita Harian, 20 Desember, 1997, hal. 12.

¹⁷ Ibid.

Jadual (6)

ADUAN TERHADAP SYARIKAT INSURANS

Jenis aduan	Bilangan aduan		
	1995	1996	1997
Kelewatan menyelesaikan tuntutan	576	834	514
Amaun ditawarkan untuk penyelesaian tuntutan	171	153	166
Kelewatan meluluskan pemberian kenderaan	88	14	18
Hal-hal agensi	13	23	22
Kelewatan mengeluarkan polisi	23	19	7
Kelewatan memperbaharui polisi	15	6	4
Kelewatan menjawab surat	170	113	78
Hak menerima diskau tiada tuntutan	129	96	71
Penolakan liabiliti berhubung dengan syarat-syarat kontrak polisi	136	118	49
Isu-isu berkaitan dengan permintaan polisi	30	19	30
Pelbagai	250	142	83
Jumlah kecil (% perubahan)	1,593 (17.5)	1,537 (3.5)	1,042 (32.2)

Sumber: Bank Negara Malaysia, *Laporan Tahunan (Insurans) Bank Negara Malaysia, 1997.*

Berhubung dengan produk insurans nyawa MCIS Insurance Berhad, apabila seorang pemegang polisi itu meninggal dunia selepas menjelaskan beberapa bahagian daripada bayaran premium, syarikat berkenaan akan membayar keseluruhan jumlah premium pemegang polisi. Ini adalah satu bentuk perjudian, bukannya sebuah akad *mudārabah* dan bukan juga sebuah akad pinjaman (*qard*), kerana jika demikian ia adalah pinjaman yang mengandungi faedah dan ini adalah *ribā*. Ini menyebabkan waris si mati akan mendapat pulangan berlipat ganda hasil daripada bayaran insurans si mati.¹⁸ Tidak ada kaedah di dalam Islam yang menetapkan perkara ini. Di dalam Islam, apabila seseorang meninggal dunia, waris hanya berhak mendapat setakat apa yang dimiliki oleh si mati sahaja. Begitu juga nyawa manusia dan waktu kematiannya tidaklah harus dijadikan objek perniagaan.¹⁹

Manipulasi yang dilakukan oleh syarikat-syarikat dan agen insurans terhadap pemegang-pemegang polisi adalah perkara yang berlaku secara berleluasa pada hari ini. Apabila sesuatu polisi itu tamat tempohnya, pemegang polisi boleh dikira rugi kerana wang mereka hangus dan syarikat insurans untung besar. Setiap tahun berjuta-juta polisi luput tempoh yang memberikan keuntungan beratus-ratus juta kepada syarikat-syarikat insurans.

¹⁸ Lihat sebagai contoh kes *Borhamuddin vs. American International Insurance Company Ltd* [1987] 2 MLJ 22.

¹⁹ Shaykh Ahmad Ibrāhīm, *Majalat al-Shabāb al-Muслimīn*, 1941, bil. 3. Dipetik daripada Al-Sanhūrī, ‘Abd al-Razāq Ahmad, *Al-Wāṣit fī Sharḥ al-Qānūn al-Madani al-Jadīd*, Dār al-Nashr li al-Jam’iyat al-Misriyah, Kaherah, 1952, jil. 7, hal. 1088.

Syarikat MCIS Insurance Berhad juga menggunakan wang premium pemegang polisi untuk membayar kos operasinya, yang menyebabkan peserta terpaksa membayar kos premium yang lebih mahal. Ini berbeza dengan Syarikat Takaful yang tidak melakukan demikian. Penggunaan agen insurans²⁰ memburukkan lagi keadaan kerana kos caruman akan meningkat bagi membayar komisyen agen-agen ini. Ini berlainan dengan Syarikat Takaful yang melakukan pemasaran terus bagi produk-produknya melalui cawangan-cawangannya di seluruh negara. Syarikat Takaful juga tidak menggunakan wang caruman peserta untuk membiayai kos operasinya.

Berkenaan dengan produk insurans nyawa MCIS Insurance Berhad yang memberikan perlindungan terhadap bencana yang menimpa harta milik, kecederaan semasa bertugas, kehilangan harta benda disebabkan kecurian, atau ditimpa bencana alam dan sebagainya, walaupun ia adalah sesuatu yang amat baik dan memberi khidmat dan pertolongan kepada masyarakat, dan dilakukan dengan keredaan kedua-dua pihak iaitu penginsurans dan pihak yang diinsurans, tetapi terdapat banyak pengabaian yang disengajakan di dalam skim-skim insurans seperti ini. Skim-skim ini tidak mencerminkan persamaan dari segi hak dan konsep kebebasan berkontrak²¹ di antara kedua-dua pihak, kerana pihak yang diinsurans mesti tunduk kepada syarikat insurans yang lebih kuat dan menguasai. Seorang pakar undang-undang kontrak Inggeris, Anson, pernah mengatakan

²⁰ Agen insurans perlu berdaftar dengan Persatuan Insurans Nyawa Malaysia dan lulus peperiksaan yang diadakan.

²¹ Akibat langsung daripada konsep kebebasan ini ialah dalam usaha menentukan isi atau syarat-syarat sesuatu kontrak itu, seseorang itu tidak boleh dipaksa, ditekan atau dipengaruhi oleh pihak lain. Lihat Salleh Buang, *Dimensi Baharu Masyarakat Malaysia: Makalah Undang-undang*, Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1997, hal. 216.

bahawa konsep kebebasan berkontrak ini adalah satu idealism sosial yang boleh wujud hanya dalam keadaan di mana kuasa atau kemampuan berurus niaga kedua-dua pihak (penjual dan pembeli) sama kuat atau sama taraf. Dalam situasi sebuah negara di mana sektor-sektor tertentu dikuasai oleh agensi kerajaan atau syarikat gergasi, di mana monopoli hidup subur dan dilindungi oleh kerajaan dan undang-undang negara, konsep ini tinggal sebagai satu idealism kosong sahaja.²² Oleh itu jika seseorang memerlukan perkhidmatan insurans, kebebasan berkontrak secara mutlak tidak wujud. Jika dia mahu mendapatkan khidmat tersebut, dia terpaksa menerima apa sahaja syarat-syarat dan bayaran yang ditentukan oleh syarikat insurans itu. Syarat-syarat ini terkandung dalam kontrak standard yang mana segala syarat-syaratnya telah dari awal lagi ditetapkan oleh mereka, dan seseorang itu tidak boleh membuat apa-apa pindaan atau ubahsuai kepadaanya. Pilihan yang masih ada pada seseorang itu ialah jika dia tidak menyetujui syarat-syarat berkenaan ialah untuk tidak berkontrak sama sekali dengan mereka. Pendek kata, kalau tidak sanggup menerima syarat-syarat insurans, bermakna kenderaan seseorang misalnya tidak akan dilindungi oleh polisi insurans.

Tambahan pula syarikat memonopoli wang caruman peserta bagi dilaburkan di dalam pelaburan *ribā* dan ini mewujudkan satu bentuk monopoli ekonomi yang bukan untuk kepentingan awam. Dalam hal ini keredaan kedua-dua pihak tidak boleh diambil kira sekiranya akad itu tidak menepati kaedah dan dasar-dasar hukum Syarak.²³ Apabila

²² Ibid., hal. 217.

²³ Al-Dusūqī, Muhammad al-Sayyid, *al-Ta'mīn wa Mawqif al-Shā'irah minh*, al-Majlis al-A'iā li al-Shu'ūn al-Islāmiyah, al-Kitāb al-Thāmin, Kaherah, 1967, hal. 98.

unsur-unsur monopoli mengambil tempatnya, maka tidak ada lagi unsur kebijakan dan pertolongan kepada masyarakat seperti yang didakwakan itu.²⁴

Kerjasama atau *ta'āwun* yang sebenar ialah saling tololong menolong sesama anggota masyarakat tanpa sebarang manipulasi terhadap mana-mana individu atau kumpulan. Sebenarnya golongan yang mendakwa wujudnya kerjasama di dalam sistem insurans adalah berselindung di sebalik sistem ini dengan melakukan pelbagai manipulasi dan monopoli ke atas harta sebilangan besar manusia. Konsep tolong menolong di dalam Islam adalah lebih menyeluruh dan lebih mulia. Pertolongan di dalam Islam dibina di atas asas *ukhuwah* (persaudaraan) berdasarkan akidah.²⁵ Ikatan akidah ini merupakan perakuan kepada wujudnya tolong menolong dan bantu membantu sesama anggota masyarakat dari segi perasaan, kemuliaan dan keperluan kebendaan. Pertolongan dalam Islam bukan setakat berbentuk material sahaja, tetapi juga berbentuk pertolongan jiwa dan roh kerana ikatan akidah yang mengikat mereka itu merupakan ikatan yang paling tinggi dan agung, lebih daripada ikatan kekeluargaan.

²⁴ Al-Marhum Dr. Yusuf Musa mengatakan segala jenis insurans adalah merupakan bentuk *ta'awun* yang memberi faedah kepada masyarakat, dan hukumnya harus di sisi Syarak sekiranya tidak mengandungi unsur *ribā*. Apabila peserta insurans nyawa masih hidup dan polisinya sudah matang, dia hanya berhak mendapat wang setakat yang dicarumkannya sahaja, tidak lebih daripada itu, dan sekiranya dia meninggal dunia sebelum polisi tamat tempoh, maka warisnya berhak mengambil semua wang insurans yang berlipat ganda banyaknya itu yang lebih daripada jumlah caruman sebenar dan ini adalah halal di sisi Syarak. Perkara ini dijawab oleh Muhammad al-Sayyid al-Dusūqī dengan mengatakan bentuk *ta'awun* hanya wujud dalam *ta'mīn tabādūlī* atau *ta'mīn ijtīmā'ī*, bukannya dalam insurans konvensional yang wujud pada hari ini. *Ribā* dengan segala jenisnya adalah diharamkan dan pendapat yang mengatakan ada beberapa jenis *ribā* yang dibolehkan kerana keperluan semasa adalah pendapat yang tidak sah. Lihat ibid., hal. 101.

²⁵ Lihat Al-Qur'an: *al-Hujurāt* (39):10.

Apabila kerjasama dan kebijakan yang didakwakan itu hanya menguntungkan sebelah pihak sahaja, iaitu pihak penginsurans, sedangkan sebelah pihak lagi menderita, ini tidaklah boleh dinamakan pertolongan dan kebijakan di atas hakikatnya yang sebenar.

Kesimpulannya, syarikat MCIS Insurance Berhad telah berjaya memainkan peranannya di dalam membantu masyarakat di dalam mengurangkan bebanan dan kesusahan mereka melalui perlindungan yang ditawarkan di dalam skim-skim insurans nyawa dan am yang ditawarkan. Peranannya di dalam membangunkan ekonomi negara melalui sumbangan cukai korporat memang tidak dapat dinafikan. Walau bagaimanapun melihat kepada produk-produk yang ditawarkan, terdapatnya unsur-unsur manipulasi ke atas para pencarum yang menyebabkan syarikat mendapat keuntungan yang besar, sedangkan pencarum yang luput tarikh polisinya tidak mendapat apa-apa. Ini merupakan ketidakadilan dan menimbulkan kesangsian tentang wujudnya pertolongan dan kebijakan kepada masyarakat seperti yang didakwakan.

Tambahan pula, sistem insurans konvensional yang diamalkan mengandungi unsur-unsur *ribā*, *gharar* dan *maysir* seperti yang telah dibincangkan sebelum ini. Satu-satunya peluang bagi masyarakat untuk mengelakkan diri daripada unsur-unsur ini ialah dengan menyertai skim-skim insurans yang ditawarkan oleh Syarikat Takaful Malaysia Berhad.

KESIMPULAN

KESIMPULAN

Syariat Islam telah menetapkan dasar-dasar umum dan undang-undang yang kukuh lagi sabit untuk menentukan sama ada sesuatu kontrak perniagaan itu sah ataupun tidak. Ini menunjukkan akan kedinamikan dan kesesuaian undang-undang Syariah yang terus berkembang bagi menangani perkara-perkara baru di dalam kehidupan manusia. Walaupun begitu, kita patut berhati-hati dan bersikap teliti dan tidak seharusnya mengatakan undang-undang Syariah mesti dilentur mengikut perkembangan semasa. Apa yang berlaku kepada undang-undang Syariah terutama dalam soal-soal muamalat ialah dasar-dasarnya yang fleksibel (*marinah*) dan *shamil* itu telah menyebabkan ia boleh menerima perkembangan dan perubahan yang berlaku dalam masyarakat manusia. Dalam hal ini dapatlah dibuat beberapa kesimpulan seperti berikut:

1. Fiqh muamalat Islam mestilah berkembang supaya sesuai dengan segala masa dan tempat dan kajian serta pendekatan baru perlu dibuat. Pergantungan kepada tafsiran-tafsiran ulama dahulu adalah tidak memadai, kerana tafsiran itu adalah yang paling baik pada masa dan tempat ianya dibuat. Walau bagaimanapun, tafsiran-tafsiran yang dibuat oleh mereka adalah panduan-panduan yang sangat berguna untuk orang yang datang kemudian, sebagai jaminan dan panduan bahawa pendekatan dan tafsiran baru sentiasa berasaskan kepada falsafah undang-undang Islam dan tidak terjerumus ke dalam perangkap hawa nafsu, falsafah Barat dan fahaman materialism. Dengan ini ketulenan undang-undang

Islam adalah terjamin dan tidak akan dituduh oleh mana-mana pihak, terutama daripada golongan tradisionalis, sebagai meniru sistem perundangan Barat dan mengubah ajaran Syariah mengikut hawa nafsu.

2. Sememangnya kehidupan manusia tidak terlepas daripada risiko dan ketidaktentuan yang menimbulkan keimbangan sama ada akan terjerumus ke dalam kancang kerugian kewangan ataupun keuntungan. Ini menyebabkan perlunya ada satu bentuk jaminan sebagai gantirugi yang mungkin akan menimpa pihak yang berkaitan tanpa diduga. Atas dasar inilah insurans diwujudkan.
3. Tujuan semua insurans ialah untuk mengadakan persediaan bagi menghadapi kemungkinan bahaya dalam kehidupan dan perhubungan perdagangan manusia. Mereka yang menjalankan usaha akan berikhtiar untuk menghindari bencana dengan mengalihkan kerugian sedapat mungkin kepada tanggungan orang lain yang sanggup membayar ganti rugi kerana mengambil alih tanggungan risiko itu.
4. Tidak ada persamaan hak di antara kedua-dua pihak di dalam sistem insurans, di mana pada kebiasaannya syarikat insurans membuat keuntungan besar hasil manipulasi wang beribu-ribu pencarum, sedangkan pencarum terpaksa membaharui polisi dari tahun ke tahun kerana mematuhi peraturan sistem insurans konvensional.

5. Islam mengharamkan amalan *ribā* dalam apa jua bentuknya kerana ia merupakan keburukan yang merosakkan masyarakat dan negara dari segi ekonomi, sosial dan moral, lebih-lebih lagi berlakunya ketidakadilan di dalam bentuk pembiayaan yang dijamin pulangannya, tanpa perlu menyumbangkan tenaga, usaha dan menanggung risiko kewangan. Sebaliknya umat ini digalakkan berusaha melalui perkongsian di antara pemodal dan pengusaha melalui sistem *mudārabah*, yang sama-sama berkongsi untung rugi secara saksama, bagi menjamin keadilan dan keredaan semasa berakad.
6. Insurans sukar untuk dibezakan dengan perjudian dari segi luarannya kerana Akta Insurans Nyawa 1774 dan Akta Judi 1845 gagal menghapuskan amalan perjudian ini. Akta-akta ini tidak mengesahkan dan tidak pula menegah amalan perjudian ini.
7. Berdasarkan perbincangan ahli-ahli perundungan Islam tentang kontrak insurans konvensional, dapat dibuat kesimpulan bahawa kontrak insurans moden hukumnya adalah haram. Terdapat dua golongan ulama yang mengharamkan insurans. Pertama: Golongan yang mengharamkan insurans kerana ia tidak ada persamaan dengan akad penama yang disebut di dalam fiqh. Kedua: Golongan ulama yang mengharamkan urusniaga insurans kerana mengandungi unsur *gharar*, *ribā* dan judi.

8. Kajian ke atas operasi Syarikat Takaful menunjukkan bahawa syarikat ini sedapat mungkin cuba mematuhi kehendak-kehendak hukum Syarak dengan mengubahsuai prinsip tertentu khususnya prinsip *mudārabah* berdasarkan keadaan semasa untuk menyesuaikan diri dengan sistem ekonomi Barat. Walaupun begitu sikap tolak ansur dan pengubahsuaiannya dibuat dengan mendapat kelulusan Majlis Pengawasan Syariah iaitu sebuah badan yang bertanggungjawab memastikan urusan institusi insurans ini tidak melampaui batas-batas agama Islam. Oleh itu, dari segi operasinya, prinsip-prinsip Islam yang digunakan oleh institusi ini menyebabkan orang Islam yang melibatkan diri boleh menyakini akan keislamannya sebagai institusi Islam yang berbentuk komersil dan terbuka kepada semua orang tanpa mengira bangsa dan agama. Walaupun begitu, Akta Takaful 1984 Dan Peraturan-peraturan (Akta 352) yang menjadi undang-undang teras kepada penubuhan syarikat ini menunjukkan bahawa undang-undang Syarak tidak menjadi asas pemakaianya, sebaliknya undang-undang sekular merupakan undang-undang yang terpakai untuk Akta tersebut akibat daripada sistem undang-undang di negara ini, dan Akta ini sendiri dimodelkan dari Akta Insurans 1963. Ini menunjukkan bahawa operasinya sahaja yang mematuhi undang-undang Syariah, tetapi tidak di bahagian pelaksanaan undang-undangnya.
9. Kontrak insurans adalah satu bentuk akad yang tidak mempunyai persamaan dengan mana-mana akad penama Islam. Percubaan sesetengah ahli perundangan Islam untuk menyamakannya dengan akad *mudārabah*, muwālat atau *qard*

adalah tidak berasas sama sekali. Insurans adalah sebuah kontrak yang unik dan berbeza dengan mana-mana akad penama Islam yang lain.

10. Manakala akad takaful adalah suatu akad yang tersendiri dan mempunyai banyak persamaan dengan kontrak insurans konvensional dari segi melindungi para peserta daripada kemalangan dan kerugian. Perlindungan ini adalah selaras dengan tuntutan ajaran Islam yang menyeru umatnya supaya sedia tolong menolong semasa kesusahan dan kepayahan. Namun yang membezakan di antara akad tersebut dengan kontrak insurans konvensional ialah pada pembahagian keuntungan yang berdasarkan kepada akad *mudārabah*. Inilah perbezaan yang paling menonjol dan yang menjadikan akad takaful tersebut sahih pada pandangan undang-undang Syariah yang menyebabkan sesetengah pihak beranggapan bahawa akad takaful adalah berdasarkan kepada akad *mudārabah*. Anggapan sebegini tidaklah tepat sebagaimana yang telah diterangkan kerana akad *mudārabah* yang wujud di dalam akad takaful bukanlah menjadi asas tetapi sebagai pelengkap kepada akad tersebut sahaja. Tujuan akad *mudarabah* di dalam akad takaful ialah untuk menjadikan bayaran yang diberikan oleh peserta itu dapat dilaburkan dengan cara yang diharuskan oleh Islam. Akad takaful boleh wujud tanpa adanya *mudārabah* sebagaimana di dalam akad *al-takāful al-tabādūlī*.

11. Sistem insurans Islam berkonsepkan takaful dan *al-ta'mīn al-ijtimā'i* adalah menjadi alternatif kepada sistem insurans konvensional yang berdasarkan *ribā*,

judi dan *gharar*. Beberapa kesimpulan dapat dibuat daripada amalan sistem insurans Islam, antaranya ialah:

- a. Sistem insurans Islam bertindak sebagai penjamin di dalam masyarakat dengan menyumbangkan bantuan kebajikan, tempat berlindung semasa menghadapi kesusahan dan kepayahan, menggantikan kerugian-kerugian dan memupuk anggota-anggota masyarakat supaya dapat sama-sama membangun bagi membina sebuah negara dan masyarakat yang kuat. Perlindungan sosial ini bersifat lebih menyeluruh dan sempurna, berbanding dengan insurans konvensional ciptaan barat.

- b. Pelaksanaan dasar takaful itu sendiri yang menjadikan amalan *mudārabah* dan *tabarru'* sebagai pelengkap operasi, iaitu dengan menukar cara pembayaran gantirugi atau pampasan daripada bersifat tanpa tukaran, maka kini pampasan itu dianggap sebagai satu bentuk sedekah atau pemberian sukarela daripada pemegang polisi. Manakala amalan *mudārabah* pula memberikan pulangan kepada para peserta hasil daripada keuntungan pelaburan, yang menyebabkan wang caruman mereka tidak hangus begitu sahaja apabila polisi telah tamat tempohnya. Dasar inilah yang membolehkan akad insurans itu dibolehkan dan atas dasar yang sama juga akad insurans atau *ta'mīn* ini dikenali sebagai takaful. Dengan ini perniagaan takaful bukan sahaja memberikan hak

berkongsi keuntungan kepada para pesertanya, tetapi mereka juga dapat menderma dan berbakti atas semangat persaudaraan dan saling jamin menjamin secara rela untuk sebahagian caruman mereka dijadikan *tabarru'*.

- c. Sistem insurans Islam menggalakkan pelaburan untuk masa hadapan, dengan menggembangkan modal para peserta bagi dilaburkan di dalam badan-badan pelaburan yang diluluskan oleh Majlis Pengawasan Syariah. Ia menekankan kepada pelaburan dalam bidang yang selamat dan kurang menanggung risiko. Ini dapat dilihat kepada sebahagian besar pelaburan Syarikat Takaful di dalam akaun pelaburan Bank Islam Malaysia Berhad dan pembelian sijil-sijil pelaburan kerajaan Malaysia.
- d. Sistem insurans juga sebagai pemangkin ke arah menggalakkan amalan menabung seperti yang diseru oleh kerajaan. Para peserta akan dapat merealisasikan dana untuk biasiswa pelajaran anak-anak dan keluarga dan menyediakan bekalan kewangan pada masa hadapan.

Beberapa Saranan Daripada Penyelidikan

1. Kajian ini mencadangkan supaya semua syarikat insurans yang ditubuhkan dan beroperasi di Malaysia menerima prinsip dan undang-undang Islam iaitu prinsip takaful, *tabarru'* dan *mudārabah* di dalam menjalankan operasi mereka, dan

menjauhkan sama sekali unsur-unsur *ribā*, judi dan *gharar*. Ini akan menjadikan Malaysia sebuah negara contoh yang mengamalkan undang-undang Syarak di dalam urusniaga insurans dan kewangan dan seterusnya mendapat keredaan Allah s.w.t.. Ketiadaan bunga atau faedah tidak akan merugikan syarikat-syarikat insurans sebagaimana yang telah dibuktikan oleh kejayaan Syarikat Takaful semenjak ia ditubuhkan 13 tahun yang lalu.

2. Selaras dengan itu, kajian yang mendalam perlu dilakukan bagi memastikan undang-undang Syarak boleh diterimapakai di dalam sektor insurans, dan kerajaan perlu menyediakan peruntukan mengenai pemakaian undang-undang Islam ini bagi tempoh jangka panjang. Pendekatan jangka panjang yang dimaksudkan ialah usaha bersepada bagi meminda perlembagaan negara dan melaksanakan undang-undang Islam sebagai undang-undang utama negara ataupun sekurang-kurangnya sebagai undang-undang yang perlu dirujuk dalam semua bentuk urusniaga Islam seperti urusan insurans dan bank. Pendekatan begini akan melengkapkan proses Islamisasi sektor insurans Islam yang merangkumi operasi dan undang-undangnya.
3. Kajian ini juga mencadangkan agar Akta Takaful 1984 Dan Peraturan-peraturan (Akta 352) perlu digubal semula bersama dengan undang-undang substantif Islam dan prosedurnya. Cadangan ini akan membolehkan undang-undang Islam dijadikan asas kepada pemakaian undang-undang di dalam menyelesaikan isu-isu undang-undang yang berbangkit di dalam urusan insurans secara Islam.

Dengan adanya suatu akta yang lengkap, ia akan melengkapkan usaha kerajaan untuk memperkenalkan urusan insurans Islam secara menyeluruh.

4. Majlis Fatwa Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia perlu mengadakan persidangan tahunan bagi mengkaji segala bentuk muamalat baru yang muncul dalam sistem ekonomi konvensional bagi mendapatkan jawapan yang jelas dan konkret dari sudut pandangan Islam dan sekaligus menghapuskan kekeliruan dan keraguan di kalangan masyarakat.